

PELAN STRATEGIK

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM (PDTSB)

2019-2023




isi kandungan

PELAN STRATEGIK PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM (PDTSB)
TAHUN 2019-2023

PERUTUSAN
PEGAWAI
DAERAH



PENGENALAN
RINGKASAN EKSEKUTIF



LATAR BELAKANG



CARTA ORGANISASI



CARTA FUNGSI



PIHK
BERKEPENTINGAN,
PELANGGAN &
RAKAN STRATEGIK

ISU-ISU
STRATEGIK
DAN
ANALISIS
PERSEKITARAN



**NILAI-NILAI
BERSAMA**

24

**PEMANTAUAN DAN
KAJIAN SEMULA**

28

42

PENUTUP

45

47

VISI DAN MISI

TERAS STRATEGIK

PENCAPAIAN

**SEKALUNG
PENGHARGAAN**

25

48

PELAN STRATEGIK PDTSB 2019-2023

PERUTUSAN
PEGAWAI DAERAH
SABAK BERNAM



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh;

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya, Pelan Strategik Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) Bagi Tahun 2019-2023 telah berjaya dihasilkan.


Sebagaimana diketahui umum, Pelan Strategik ini merupakan suatu anjakan ke arah meningkatkan keupayaan PDTSB dalam usaha untuk mencapai Visi dan Misi yang telah ditetapkan. Selaku Pegawai Daerah Sabak Bernam, saya percaya pelan ini dapat memberi hala tuju yang lebih jelas selaras dengan pendekatan "*Smart Selangor*" dalam memastikan sistem penyampaian pentadbiran kerajaan negeri dan pentadbiran awam dapat memenuhi hasrat pelanggan dan pihak-pihak pemegang taruh (*stakeholders*) .

Akhir kata, saya menyeru kepada seluruh penjawat awam PDTSB agar kita bersama-sama memastikan segala perancangan yang direncanakan mengikut setiap teras strategik dapat dijayakan dengan sebaiknya ke arah merealisasikan Visi PDTSB "Menjadikan Sabak Bernam Peneraju Ekonomi Asas Tani Negeri Selangor Menjelang Tahun 2023".

Sekian, terima kasih.

NASIR BIN MAMAT S.I.S, K.M.W, A.M.N
Pegawai Daerah Sabak Bernam





PELAN STRATEGIK PDTSB 2019-2023

PENGENALAN

PEJABAT DAERAH DAN
TANAH SABAK BERNAM

LOKASI DAN SEJARAH

Bermula sejak abad ke-17 sebagai sebuah jajahan di Negeri Selangor dan pernah menjadi tempat perlindungan Sultan Ibrahim (1784) dalam menentang Belanda.

Penduduk terawal ialah '**Bajak Laut**' iaitu ketika era pemerintahan Raja Muhammad (1826 – 1857).

Semasa pemerintahan Sultan Ibrahim terdapat dua buah kota kediaman yang telah dibina oleh Raja Unos (Putera Sultan Ibrahim) dan Haji Ali, iaitu Sabak dan Kampung Kota.



RINGKASAN EKSEKUTIF PELAN STRATEGIK PDTSB

Pelan Strategik PDTSB Tahun 2019-2023 bertujuan untuk membantu pihak pengurusan serta semua kakitangan PDTSB mendepani cabaran yang akan datang terutamanya ketika menjalankan tugas masing-masing yang semakin mencabar dalam era pembangunan Negeri Selangor dan umumnya untuk Malaysia yang tercinta.

Dokumen ini telah dihasilkan secara kolektif dan berpasukan bersama Tuan Pegawai Daerah, semua Ketua Bahagian PDTSB dan pegawai-pegawai kanan dalam menentukan hala tuju dan Pelan Strategik ke arah mencapai visi menjadikan Daerah Sabak Bernam Peneraju Ekonomi Asas Tani Negeri Selangor Menjelang Tahun 2023.

Dengan adanya pelan ini, hala tuju organisasi pada jangka masa panjang akan dapat dilihat dalam skop yang lebih luas di mana pelan ini boleh dijadikan sumber rujukan di dalam penyediaan perancangan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) oleh setiap Bahagian/Unit PDTSB serta semua kakitangan.

Sehubungan itu, perancangan yang dibuat akan selaras dengan visi, misi dan objektif PDTSB sepanjang tempoh 2019 sehingga 2023. Semoga dengan adanya dokumen ini ia menjadi penanda aras dan dapat melestarikan pembangunan serta memperkasakan tadbir urus ke arah kemakmuran daerah ini demi kesejahteraan rakyat.



LATAR BELAKANG


Sehingga tahun 1900, daerah ini diletakkan di bawah pentadbiran Daerah Kuala Selangor.

Diisytiharkan secara rasmi oleh DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah pada 1 Julai 1960.


Ketika itu PDTSB diselia oleh Dato' Penggawa Permatang Paduka Maha Bijaya yang bertugas dalam Hal Ehwal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu serta wakil kepada Sultan Selangor.

Pada peringkat awal pentadbiran, ia ditempatkan di Pekan Sabak Bernam dan telah dipindahkan ke Pekan Sungai Besar pada 21 April 1975.






CARTA ORGANISASI PDTSB



CARTA FUNGSI PDTSB





SENARIO PERSEKITARAN

PIHAK BERKEPENTINGAN PDTSB



DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN SELANGOR



YAB DATO' MENTERI BESAR



YB AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI



EX-OFFICIO

YB Setiausaha Kerajaan Negeri,
YB Penasihat Undang-undang Negeri &
YB Pegawai Kewangan Negeri



AHLI DEWAN UNDANGAN
NEGERI SELANGOR

PELANGGAN PDTSB



RAKAN STRATEGIK PDTSB

PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI SELANGOR 01 

 02 AGENSI KERAJAAN
PERSEKUTUAN/ NEGERI/
BADAN BERKANUN/ GLC

AGENSI SWASTA 03 

 04 BADAN BUKAN KERAJAAN
(NGO)

ISU-ISU STRATEGIK & ANALISIS PERSEKITARAN

PDTSB secara umumnya merupakan sebuah jabatan yang menerajui pentadbiran Daerah Sabak Bernam sejajar dengan pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan. Isu dan cabaran yang dihadapi oleh PDTSB adalah menjurus kepada Pengurusan & Pentadbiran Tanah yang dapat melestarikan pembangunan dan memperkasakan tadbir urus ke arah kemakmuran daerah demi kesejahteraan rakyat untuk rujukan generasi akan datang. Isu dan cabaran dalaman maupun luaran hendaklah diatasi dan diselesaikan sebaik mungkin.

Berdasarkan teras strategik PDTSB, berikut adalah kekuatan dan peluang semasa yang dikenalpasti ketika membuat analisis persekitaran:-

TADBIR URUS ORGANISASI

Tadbir Urus Organisasi amat penting dalam memacu pentadbiran organisasi yang berdaya saing. Sehubungan itu, dengan adanya peruntukan kewangan yang mencukupi dan sumber manusia yang optimum pembekalan aset seperti kelengkapan peralatan ICT yang mencukupi dapat diperolehi demi memacu kemudahan organisasi yang baik. PDTSB juga menetapkan aspek keselamatan premis diutamakan dengan diselia oleh Pengawal Keselamatan, RELA dan CCTV berpandukan penguatkuasaan Arahan Dalaman serta Garis Panduan PDTSB yang digunakan kini. Penyertaan program latihan/kursus integriti dan tatatertib yang bersesuaian dan berterusan oleh pegawai dan kakitangan menjadi pelengkap kemahiran terutamanya apabila berurusan dengan pihak luar.

PENGURUSAN & PENTADBIRAN TANAH

Kepesatan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan di Negeri Selangor dan kedudukan Sabak Bernam sebagai daerah strategik yang berhampiran Lembah Klang (keboleh pasaran yang tinggi) telah menjadikan pengurusan pentadbiran tanah Daerah Sabak Bernam semakin efisien dan cekap. Langkah membangunkan Sistem Berkomputer berkaitan pengurusan tanah yang komprehensif sebagai pemudahcara, Sistem pengurusan fail / hakmilik yang lebih sistematik dan ditambah pula dengan penggunaan aplikasi teknologi yang semakin kos efektif telah berjaya menambah hasil asas tani daerah.

Majoriti tanah di Daerah Sabak Bernam di bawah kategori guna tanah Pertanian dengan menggunakan sumber asas tani seperti dari laut, sungai dan darat. Pembekalan peralatan dan keperluan yang mencukupi bagi tugas harian, mempunyai pegawai dan kakitangan yang terlatih dan berpengalaman di samping mempunyai pucuk pimpinan yang mantap secara langsung menjadikan pengurusan pentadbiran tanah lebih teratur. Peningkatan kutipan premium tanah berjaya dilakukan dengan adanya peluang meningkatkan kesedaran oleh pembayar cukai.

KEMUDAHAN & INFRASTRUKTUR AWAM

Pembangunan infrastruktur yang kompetitif dan tadbir urus yang dinamik dan proaktif menyebabkan persepsi dan ekspektasi awam semakin kompleks. Oleh yang demikian, akan mengeratkan kerjasama dan hubungan baik agensi kerajaan dengan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) untuk menggerakkan aktiviti bagi peningkatan sosio ekonomi penduduk seiring dengan pembangunan persekitaran dan perubahan semasa yang pesat.

PEMBANGUNAN BANDAR DAN DESA

Perwartaan Sabak Bernam sebagai zon pertanian adalah menjadi keperluan kepada pembangunan Bandar dan Desa yang menjadi satu unsur yang perlu diperkasakan dalam memastikan kesinambungan dasar kerajaan untuk pemantapan pembangunan luar bandar dapat dijalankan dengan jayanya dengan penglibatan orang awam, sokongan kepimpinan politik dan kakitangan yang berpengalaman dan terlatih. Keberkesanan peranan penyelaras pembangunan desa daerah yang kebanyakannya kakitangan adalah orang tempatan yang juga mempengaruhi perjalanan pembangunan bandar dan desa.

PELAN STRATEGIK PDTSB 2019-2023

VISI & MISI

PEJABAT DAERAH DAN
TANAH SABAK BERNAM

VISI 2019 - 2023

**“SABAK BERNAM PENERAJU
EKONOMI ASAS TANI
NEGERI SELANGOR
MENJELANG TAHUN 2023”**



MISI 2019 - 2023

**“MELESTARIKAN PEMBANGUNAN DAN
MEMPERKASAKAN TADBIR URUS
KE ARAH KEMAKMURAN DAERAH
DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT”**

NILAI - NILAI BERSAMA

P

PROAKTIF

Mengamalkan sikap positif dalam merancang, mengawal tindakan, membuat keputusan dan melaksanakan sesuatu kerja jauh lebih awal daripada jangkaan sebenar supaya keputusan dihasilkan baik dan berkualiti.

D

DINAMIK

Optimis dalam melaksanakan tugas dan menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan, tempat dan masa sehingga dilaksanakan dengan jayanya demi mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

T

TERAMPIL

Penyampaian perkhidmatan yang cekap, baik dan berkualiti dapat membangunkan prestasi organisasi dan mencerminkan gaya kepimpinan yang terampil untuk kesejahteraan kepada rakyat.

S

SEMANGAT
BERPASUKAN

Menggembangkan tenaga, pengetahuan, kepakaran dan pengalaman melalui semangat kerja berpasukan yang padu ke arah mencapai visi dan misi organisasi.

B

BERINTEGRITI

Berkhidmat dengan penuh amanah, jujur, tulus, rasa bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja dan tugas bagi mengelakkan sebarang bentuk penyelewengan.



TERAS STRATEGIK

TERAS STRATEGIK



01

Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi Yang Cemerlang Melalui Sistem Penyampaian Yang Cekap Dan Efisien

Memperkuatkan Pengurusan Dan Pentadbiran Tanah Bagi Kemakmuran Daerah

02



03


Memperkasa Taraf Kualiti Kemudahan Dan Infrastruktur Awam Untuk Kesejahteraan Hidup Masyarakat

Menggiatkan Pembangunan Bandar Dan Desa Bagi Mengukuhkan Sosio-ekonomi Secara Holistik Untuk Kesejahteraan Masyarakat

04



KOMPONEN PELAN TINDAKAN



STRATEGI-STRATEGI TERAS

TERAS STRATEGIK 1

**MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI
YANG CEMERLANG MELALUI SISTEM PENYAMPAIAN
YANG CEKAP DAN EFISIEN**

STRATEGI 1

Memantapkan Pengurusan Aset Dan Kewangan Jabatan

STRATEGI 2

Memantapkan Pembangunan Organisasi

STRATEGI 3

Memperkuuh Integriti Dan Kompetensi Kakitangan Jabatan

STRATEGI 4

Memantap Kualiti Sistem Pengurusan Jabatan

STRATEGI 5

Pembudayaan Inovasi Dan Penggunaan Teknologi
Maklumat Di Dalam Tugasan Harian

STRATEGI-STRATEGI TERAS

TERAS STRATEGIK 2

MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH
BAGI KEMAKMURAN DAERAH

STRATEGI 1

Memantapkan Kutipan Hasil

STRATEGI 2

Meningkatkan Kualiti Pendaftaran Pindahmilik Tanah

STRATEGI 3

Pematuhan Pembangunan Mengikut Syarat Dan Zon Guna Tanah

STRATEGI 4

Meningkatkan Tahap Professionalisme Anggota Pentadbiran Tanah

STRATEGI 5

Meningkatkan Keluasan Penggunaan Tanah Kerajaan Untuk Aktiviti Pertanian Bagi Tujuan Tanaman Makanan

STRATEGI 6

Meningkatkan Kesedaran Orang Awam Tentang Tanggungjawab Seorang Pemilik Tanah

STRATEGI-STRATEGI TERAS

TERAS STRATEGIK 3

MEMPERKASA TARAF KUALITI KEMUDAHAN DAN INFRASTRUKTUR AWAM UNTUK KESEJAHTERAAN HIDUP MASYARAKAT

STRATEGI 1

Mempertingkat Pelaksanaan Program Penyelenggaraan Infrastruktur Awam

STRATEGI 2

Memastikan Penyelenggaraan Infrastruktur Yang Berkualiti

STRATEGI 3

Meningkatkan Kemahiran Teknikal Sebagai Elemen Kawalan Yang Berkesan

STRATEGI 4

Memastikan Infrastruktur Sedia Ada Dalam Keadaan Baik

STRATEGI-STRATEGI TERAS

TERAS STRATEGIK 4

MENGGIATKAN PEMBANGUNAN BANDAR DAN DESA BAGI
MENGUKUHKAN SOSIO-EKONOMI SECARA HOLISTIK UNTUK
KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

STRATEGI 1

Memantapkan Kepimpinan Majlis Pengurusan Komuniti
Kampung (MPKK)

STRATEGI 2

Meningkatkan Taraf Hidup Dan Ekonomi Masyarakat Desa

STRATEGI 3

Menyelaras Dan Memantapkan Bidang Keusahawanan Di
Peringkat Desa

STRATEGI 4

Melaksanakan Program Pembangunan Rakyat Dan Daerah

**TERAS
STRATEGIK**

1

**MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI YANG CEMERLANG
MELALUI SISTEM PENYAMPAIAN YANG CEKAP DAN EFISIEN**

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN / UNIT BERTANGGUNGJAWAB
1. Memantapkan Pengurusan Aset Dan Kewangan Jabatan	Mewujudkan panduan/ tatacara perbelanjaan berhemah	Bilangan garis panduan	1 garis panduan	2019	Unit Kewangan & Unit Aset
	Memantapkan tatacara pengurusan aset jabatan	Memantapkan tatacara pengurusan aset jabatan	2 kali pengauditan setahun	2019	Unit Kewangan & Unit Aset
	Mewujudkan panduan bagi sebarang perolehan aset	Bilangan garis panduan diwujudkan	1 Garis Panduan	2019	Unit Kewangan & Unit Aset
		Peratusan Penjimatan perbelanjaan	5% setahun	2019-2023	
2. Memantapkan Pembangunan Organisasi	Memperkuuh struktur penyusunan semula organisasi mengikut skim perkhidmatan	Bilangan Kertas Permohonan Penstrukturkan Semula di angkat ke BPBM SUK	1 Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM)	2019-2023	Unit Perkhidmatan
	Membangunkan Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM)	Bilangan Pelan Strategik Sumber Manusia	1 Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM)	2019-2020	Unit Perkhidmatan
	Melaksanakan program /latihan berimpak tinggi bersama agensi luar	Bilangan Program Berimpak Tinggi	5 program setahun	2019-2023	Unit Perkhidmatan
		Bilangan Peserta	40 peserta setiap program		
	Pemantapan fungsi dan deskripsi tugas kakitangan	Peratusan penyediaan My portfolio	100% penyertaan kakitangan	2019	Unit Perkhidmatan
	Penyampaian Perkhidmatan psikologi yang menyeluruh	Bilangan Program Pementoran dan AKRAB di jabatan	2 program AKRAB setahun	2019-2023	Unit Perkhidmatan
			1 program PEMENTORAN setiap tahun		

MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI YANG CEMERLANG MELALUI SISTEM PENYAMPAIAN YANG CEKAP DAN EFISIEN

1

**TERAS
STRATEGIK**

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN / UNIT BERTANGGUNGJAWAB
3. Memperkuuh Integriti dan Kompetensi Kakitangan Jabatan	Melaksanakan program kolaborasi bersama agensi dalam/luar	Bilangan Program	4 program setahun	2019-2023	Unit Integriti & Unit Latihan
	Melaksanakan pembudayaan integriti dalam organisasi	Bilangan Program Peratusan penurunan kes tataterib	5 program setahun 10% penurunan setahun	2019-2023	Unit Integriti & Unit Latihan
4. Mempantapkan Kualiti Sistem Pengurusan Pejabat	Melaksanakan program Pengurusan Kualiti Jabatan	Bilangan Persijilan	1 Persijilan MS ISO 9001:2015	2019-2023	Unit Pentadbiran
		Bilangan Program	1 Persijilan EKSA 1 Program (Hari Kualiti dan Inovasi)	2019-2021 2021-2023 2019-2023	
		Meningkatkan keberkesanan pengurusan keselamatan di jabatan	Bilangan Program	2 program setahun	2019-2023
5. Pembentukan Inovasi dan Penggunaan Teknologi Maklumat di dalam tugas harian	Meningkatkan persekitaran kerja yang kondusif	Kepuasan warga kerja jabatan	Tidak kurang daripada 80%	2019-2020	Unit Pentadbiran
	Memantapkan pengurusan rekod jabatan	Markah Sistem <i>Star Rating</i>	Sekurang-kurangnya 90%	Setiap 2 tahun	Unit Pentadbiran
		Pelupusan Rekod	1 kali setahun	Setiap tahun	
	Pertandingan Inovasi di peringkat Jabatan	Bilangan penganjuran pertandingan	1 pertandingan setiap 2 tahun	2019-2023	Unit Pentadbiran & Unit ICT
	Pertandingan Inovasi di peringkat PSUK dan Kebangsaan	Bilangan Penyertaan	1 penyertaan setiap tahun	2019-2023	Unit Pentadbiran & Unit ICT
	Pemantapan penggunaan ICT secara menyeluruh	Peratusan capaian penggunaan Sistem <i>Online</i> oleh Pelanggan	90% capaian pelanggan setiap tahun	2019-2023	Unit Pentadbiran & Unit ICT

**TERAS
STRATEGIK**

2

**MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH
BAGI KEMAKMURAN DAERAH**

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN / UNIT BERTANGGUNGJAWAB
1. Memantapkan kutipan hasil	Pelan tindakan kutipan Premium Tanah	Bilangan pelan tindakan Peratus pencapaian KPI Premium	1 pelan tindakan disediakan 100% KPI premium	2019 2019-2023	Unit Pelupusan, Unit Pembangunan Tanah Bahagian Pengurusan Tanah
	Pengurusan Jeti / Pelantar Ikan	Jumlah kawasan yang diputihkan	5 kawasan Bagan: 1. Sg. Besar 2. Sg. Burong 3. BNO 4. Sg.Lang 5. Parit Baru Baroh	2019-2023	Unit Pelupusan, Bahagian Pengurusan Tanah
		Peningkatan jumlah kutipan melalui LPS dan pajakan	Peningkatan hasil sebanyak 5% setahun		
	Pelan tindakan meningkatkan keberkesanannya kutipan cukai tanah semasa dan tunggakan	Bilangan pelan tindakan Peratus kutipan cukai semasa dan tunggakan cukai	1 pelan tindakan disediakan 95% cukai semasa dikutip 75% tunggakan cukai dikutip	2019 2019-2023	Unit Hasil, Bahagian Pengurusan Tanah
2. Meningkatkan kualiti pendaftaran Pindahmilik Tanah	Penjadualan pendaftaran yang fokus kepada Pindahmilik Tanah	Tempoh pendaftaran pindahmilik tanah Tahap kepuasan pelanggan	dalam tempoh 24 jam 80% mencapai tahap kepuasan	2019-2023	Unit Pendaftaran Geran, Bahagian Pembangunan Tanah
	Penugasan pendaftaran Pindahmilik Tanah kepada semua pendaftar.	Tempoh pendaftaran pindahmilik tanah Tahap kepuasan pelanggan	Pendaftaran pindahmilik dilaksanakan dalam tempoh 24 jam 80% mencapai tahap kepuasan	2019-2023	Unit Pendaftaran Geran, Bahagian Pengurusan Tanah

MEMPERKUKUHKAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH BAGI KEMAKMURAN DAERAH

2

TERAS
STRATEGIK

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN / UNIT BERTANGGUNGJAWAB
3. Pematuhan Pembangunan mengikut syarat dan zon guna tanah	Pelaksanaan penguatkuasaan pelanggaran syarat tanah Pengekalan jumlah keluasan kawasan sawah padi sehingga 2035	Bilangan penyediaan inventori Bilangan hebahan permohonan tukar syarat/pemulihan tanah Peratus pengeluaran Notis 7A	1 inventori 2 kali hebahan umum setahun 90% daripada senarai inventori yang perlu dibuat tindakan	2019 2020 2021-2023	Unit Teknikal & Penguatkuasa Bahagian Pengurusan Tanah
4. Meningkatkan tahap <i>Professionalisme</i> anggota pentadbiran tanah.	Latihan dan kursus perundungan tanah, pemantapan integriti serta motivasi Penguatkuasaan secara bersepadu bersama rakan strategik	Peratus anggota Bilangan operasi bersepadu	100% anggota menjalani latihan dan kursus selama 7 hari setahun 8 operasi setiap tahun	2019-2023 2019-2023	Bahagian Pengurusan Tanah Unit Pelupusan Bahagian Pengurusan Tanah
5. Meningkatkan keluasan penggunaan tanah Kerajaan untuk aktiviti pertanian bagi tujuan tanaman makanan	Program tanaman kontan dengan kerjasama rakan strategik (UPEN, PKPS)	Peningkatan keluasan tanaman kontan	Peningkatan 250 ekar	2019-2023	Unit Pelupusan Bahagian Pengurusan Tanah
6. Meningkatkan kesedaran orang awam tentang tanggungjawab seorang pemilik tanah.	Jerayawara (<i>roadshow</i>) hebahan maklumat tentang pembayaran cukai, urusniaga tanah, pelanggaran syarat tanah dan lain-lain	Bilangan jerayawara Tahap kepuasan pelanggan	4 kali setahun 70% pelanggan berpuashati.	2019-2023	Bahagian Pengurusan Tanah & Bahagian Pembangunan

**TERAS
STRATEGIK**

3

MEMPERKASA TARAF KUALITI KEMUDAHAN DAN INFRASTRUKTUR AWAM UNTUK KESEJAHTERAAN HIDUP MASYARAKAT

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN / UNIT BERTANGGUNGJAWAB
1. Mempertingkat pelaksanaan program penyelenggaraan infrastruktur awam	Program bersama wakil komuniti setempat	Bilangan program	2 kali setahun	2019-2023	Unit Pembangunan Fizikal, Bahagian Pembangunan
	Program turun padang	Peratus infrastruktur awam sedia ada diselenggara	100% infrastruktur diselenggara	2019-2023	Unit Pembangunan Fizikal, Bahagian Pembangunan
	Program Sayangi Kampungku	Bilangan program	5 kali setahun	2019-2023	Unit Pembangunan Fizikal, Bahagian Pembangunan
	E-aduan	Bilangan aduan yang berkaitan diselesaikan	80% aduan	2019-2023	Unit Pembangunan Fizikal, Bahagian Pembangunan
2. Meningkatkan kemahiran teknikal sebagai elemen kawalan yang berkesan	Program pembangunan kemahiran kejuruteraan				Unit Pembangunan Fizikal, Bahagian Pembangunan
	a) Warga PDTSB	Bilangan kursus	2 kali setahun		
		Pengurangan Penemuan Audit	50% (Semak Data)	2019-2023	
3. Memastikan penyelenggaraan infrastruktur yang berkualiti	a) Kontraktor yang dilantik	Bilangan taklimat	6 kali setahun		
	Pemantauan Projek	Jumlah pemantauan	6 kali setahun	2019-2023	Unit Pembangunan Fizikal, Bahagian Pembangunan
		Peratus projek siap	100%	2019-2023	
4. Memastikan infrastruktur sedia ada dalam keadaan baik	Penyediaan laporan prestasi kontraktor	Bilangan laporan	6 kali setahun	2019-2023	
	Kempen penghayatan dan kesedaran vandalisme	Jumlah program	2 kali setahun	2019-2023	Unit Pembangunan Fizikal, Bahagian Pembangunan

MENGGIATKAN PEMBANGUNAN BANDAR DAN DESA BAGI MENGUKUHKAN SOSIO-EKONOMI SECARA HOLISTIK UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

4

**TERAS
STRATEGIK**

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/PERATUSAN)	TAHUN/TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN / UNIT BERTANGGUNGJAWAB
1. Memantapkan kepimpinan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK)	Perlantikan Pengerusi MPKK	Bilangan pemilihan	2 kali pemilihan	2018 dan 2021	Unit Pembangunan Masyarakat, Bahagian Pembangunan
	Kursus/ Latihan Pengerusi MPKK	Bilangan kursus/latihan	2 kali setahun	2019-2023	Unit Pembangunan Masyarakat, Bahagian Pembangunan
		Purata kehadiran	80% kehadiran		
2. Meningkatkan taraf hidup dan ekonomi masyarakat desa	Koordinasi bersama Pengerusi MPKK	Bilangan koordinasi	6 kali setahun	2019-2023	Unit Pembangunan Masyarakat, Bahagian Pembangunan
	Program Pembasmian Kemiskinan golongan miskin dan berpendapatan rendah	Tempoh permohonan diselesaikan	2 minggu	2019-2023	Unit Pembangunan Masyarakat, Bahagian Pembangunan
3. Menyelaras dan memantapkan bidang keusahawanan di peringkat desa	Program Bantuan Kerajaan Prihatin B40	Peratusan pencapaian	50% terkeluar daripada e-kasih		
	Dana Usahawan Mikro Selangor (DUMS)	Tempoh permohonan diselesaikan	2 minggu	2019-2023	Unit Pembangunan Masyarakat, Bahagian Pembangunan
4. Melaksanakan program pembangunan rakyat dan daerah	Inisiatif Peduli Rakyat (Skim Mesra Usia Emas-SMUE, Tabung Warisan Anak Selangor-TAWAS)	Peratusan peningkatan	10% peningkatan pendapatan		
		Tempoh permohonan diselesaikan	2 minggu	2019-2023	Unit Pembangunan Masyarakat, Bahagian Pembangunan
	Pembangunan repositori maklumat kampung	Permohonan setahun	10% Peningkatan		
		Bilangan repositori	1 Repositori	2019	Unit Pembangunan Masyarakat, Bahagian Pembangunan
	Libat Urus bersama agensi awam yang lain (JKTD)	Bilangan Koordinasi	6 kali setahun	2019-2023	Unit Pembangunan Masyarakat, Bahagian Pembangunan





PEMANTAUAN DAN KAJIAN SEMULA

PEMANTAUAN DAN KAJIAN SEMULA

Setelah semua perancangan Pelan Strategik PDTSB dilaksanakan pada akhir tahun 2023, fungsi dan peranan PDTSB diharap akan lebih terampil dalam pelbagai aspek terutamanya pengurusan dan pembangunan daerah. Oleh kerana perkara ini melibatkan pembangunan daerah dan kemasyarakatan yang berterusan, maka perancangan strategik 5 tahun bukanlah suatu tempoh yang secukupnya untuk mengukur pencapaian secara holistik. Sesuatu perancangan tidak akan menjadi kenyataan tanpa adanya langkah-langkah implementasi yang realistik dan boleh dilaksanakan.

Sehubungan dengan itu bagi mencapai sasaran dan *outcome* yang digariskan di dalam pelan strategik, PDTSB telah merangka Jadual Pemantauan dan Kajian Semula Pelan Strategik seperti yang disediakan iaitu merangkumi:-

I. MESYUARAT PEMANTAUAN PELAN STRATEGIK

Diadakan dua kali setiap tahun bagi tujuan pemantauan pelaksanaan Pelan Strategik mengikut teras daripada Bahagian/Unit PDTSB melalui Laporan Pelaksanaan Pelan Strategik. Pelaporan hasil mesyuarat akan dibentangkan juga dalam Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik Peringkat SUK Selangor. Tindakan susulan hasil pelaporan akan dilaksanakan oleh Ketua Bahagian sebagai pemilik program.


II. PENILAIAN PENCAPAIAN TAHUN PERTAMA, KEDUA, KETIGA DAN KEEMPAT

Analisa keseluruhan pencapaian pelan strategik akan dibuat pada tahun terakhir pelaksanaan (2019-2023) untuk menilai keberkesanan setiap program dan aktiviti yang dirancang. Setiap Bahagian/Unit PDTSB perlu menyediakan Laporan Pencapaian untuk dinilai dan dianalisa.

III. KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK

Pembentangan Laporan Kajian Semula Pelan Strategik melibatkan “Impak dan Prestasi” Pelan Strategik yang akan dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan / Pemantauan Pelan Strategik meliputi keberkesanan pelaksanaan dan strategi yang dirancang melalui pelan strategik. Kajian ini akan dijalankan pada tahun 2021.

PEMANTAUAN KAJIAN SEMULA





PENCAPAIAN

PEJABAT DAERAH & TANAH SABAK BERNAM



PENCAPAIAN DAN ANUGERAH YANG DITERIMA

TAHUN	PENCAPAIAN
2014	<ul style="list-style-type: none">• Persijilan Amalan Persekutaran Berkualiti 5S PDTSB Oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (<i>Malaysia Productivity Corporation – MPC</i>)• Johan Keseluruhan Kejohanan Tenpin Boling Antara Jabatan Daerah Sabak Bernam Tahun 2014, Anjuran Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)• Persijilan MS ISO 9001:2008 PDTSB
2015	<ul style="list-style-type: none">• Anugerah Kecemerlangan (Penarafan 5 Bintang) Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2015• Persijilan Amalan Persekutaran Berkualiti 5S PDTSB Oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (<i>Malaysia Productivity Corporation – MPC</i>)• Persijilan MS ISO 9001:2008 PDTSB
2016	<ul style="list-style-type: none">• Persijilan Amalan Persekutaran Berkualiti 5S PDTSB Oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (<i>Malaysia Productivity Corporation – MPC</i>)• Persijilan MS ISO 9001:2008 PDTSB• Pencapaian Cemerlang (5 Bintang) 100% KPI HRMIS Tahun 2016

TAHUN	PENCAPAIAN
2017	<ul style="list-style-type: none">• Pencapaian Cemerlang (5 Bintang) 100% KPI HRMIS Tahun 2017• Persijilan Amalan Persekutaran Berkualiti 5S PDTSB Oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (<i>Malaysia Productivity Corporation – MPC</i>)• Johan Ping Pong, Sukan Pejabat Tanah Dan Daerah Negeri Selangor (PETANDA)• Johan Bola Tampar (L), Sukan Pejabat Tanah Dan Daerah Negeri Selangor (PETANDA)• Tempat Keempat Sukan Tepak Takraw, Sukan Pejabat Tanah Dan Daerah Negeri Selangor (PETANDA)
2018	<ul style="list-style-type: none">• Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor (3 Bintang)• Menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) Peringkat Pejabat Tanah & Galian Negeri Selangor• Menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK) PERSADA Inovasi Peringkat Negeri Selangor• Ke Arah Persijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)• Ke Arah Persijilan MS ISO 9001:2015

SEKALUNG PENGHARGAAN

Jutaan Terima Kasih kepada Tuan Pegawai Daerah Sabak Bernam,
Semua Ketua Penolong Pegawai Daerah, Semua Penolong Pegawai Daerah,
Semua Pegawai-Pegawai Kanan dan warga PDTSB terutamanya di
Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) dalam menyediakan
Pelan Strategik Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam 2019-2023.

Penutup

Buku Pelan Strategik PDTSB adalah penting dalam membantu merealisasikan visi dan misi Jabatan dalam tempoh 2019-2023 sejajar dengan era perubahan dan perkembangan semasa yang semakin menitikberatkan penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada masyarakat. Sehubungan dengan itu, untuk memastikan program yang dirangka mampu bergerak seiring dengan arus perubahan semasa sememangnya perlu ada pengurusan sumber kewangan yang cekap dan sumber manusia yang kompeten. Dengan adanya pelan tindakan yang jelas, Jabatan akan berada di landasan yang betul dan dapat melaksanakan program-program tersebut mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Pelan strategik ini merupakan panduan kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta gerak kerja pelaksanaan yang direncanakan. Penerimaan, kebersamaan dan komitmen yang tinggi setiap warga PDTSB merupakan elemen penting bagi memastikan pelan strategik yang digubal berjaya dilaksanakan.

Kejayaan dalam pelaksanaan program-program ini juga akan lebih berkesan sekiranya mendapat kerjasama dan penglibatan rakan strategik PDTSB. Justeru itu, PDTSB sepenuhnya komited untuk memastikan Pelan Strategik 2019-2023 yang telah disediakan akan dilaksanakan dengan jayanya. Adalah diharapkan Visi PDTSB akan tercapai dengan sokongan semua warga PDTSB terhadap Pelan Strategik ini dengan melaksanakan penyataan misi Jabatan yang dipertanggungjawabkan.



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM (PDTSB)
KOMPLEKS KERAJAAN DAERAH SABAK BERNAM,
45300 SUNGAI BESAR SELANGOR.**

NO TEL : 03 - 3224 1963 / 1964 / 1967/ 1969/ 1971

NO FAX : 03 - 3224 2178 (PEJABAT DO)

03 - 3224 2113 (BKP)

03 - 3224 2404 (PEMBANGUNAN)